

Uptown Klang serba lengkap

Peniaga harap promosi dipertingkatkan kerana masih ramai tak tahu

Berita Harian 17/05/2010 M/S 8

KLANG: Penduduk sekitar bandar ini, Meru dan Kapar kini tidak perlu lagi ke Kompleks Muhibbah Seksyen 24, Shah Alam, untuk membeli-belah di bazar larut malam berikutan pembukaan Uptown Klang terbaru, di sini.


Berbeza dengan bazar larut malam lain, Uptown Klang di Mutiara Point Business Center beroperasi antara deretan kedai dan dilengkapi kemudahan asas seperti surau, tandas, gerai makan serta pentas hiburan karaoke.

Pengarah operasi, Mohd Fathulrajib Rani, berkata 100 gerai dibuka menawarkan pelbagai jenis barangan pengguna seperti pakaian, kasut, tudung, aksesori dan perhiasan rumah.

"Setakat ini, semua 100 tapak gerai dan 15 gerai makanan yang ditawarkan habis ditempah peniaga.

"Kami mendapat sambutan menggalakkan selepas dua bulan Uptown Klang dibuka dan kami akan terus mengadakan promosi bagi menghebahkan kewujudannya," katanya ketika ditemui Sentral.

Fathulrajib berkata, pihaknya akan mengedarkan risalah bagi mempromosi bazar itu selain menghebahkannya



NOR FARIZA RAMLAN | BERITA HARIAN

UPTOWN Klang perlu dipromosi bagi menarik pengunjung.

menerusi laman web sosial, Facebook.

Katanya, ada pelbagai rangkaian barangan diketengahkan di situ dan pengunjung boleh membawa pulang barangan bermula daripada barangan hiasan kecil, paka-

ian hingga ke tudung.

Selepas puas membeli-belah dan menjamu mata di kawasan bazar, katanya, pelanggan boleh menikmati pelbagai makanan bermula dari hidangan Melayu hingga ala Barat atau hanya sekadar

membasahkan tekak.

Tinjauan *Sentral* mendapati, jumlah pelanggan kurang serta suasana sedikit hambar pada hari biasa tetapi keadaan menjadi lebih hidup pada malam hujung minggu.

Peniaga pakaian, Rokiah

Ahmad, 58, berharap promosi mengenai Uptown itu dapat dipertingkatkan kerana masih ramai tidak tahu kewujudannya walaupun lokasinya strategik.

Katanya, kain rentang promosi sepatutnya diletakkan di setiap persimpangan ke pekan Meru atau lampu neon dipasang bagi menarik perhatian orang ramai.

Bagi seorang lagi peniaga, Johari Ismail, 60, usaha lebih giat perlu bagi mempromosi Uptown dengan menambah lampu jalan mezerangi jalan masuk utama ke situ.

"Keadaan menjadi suram apabila tiada lampu jalan menerangi tempat letak kereta dan saya bimbang ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas kekurangan ini," katanya.

Peniaga pakaian jersi, Muhammad Zulhaudi, 20, pula berasa kecewa dengan persekitaran tempat berniaga yang lesu sehingga ada penduduk di taman perumahan berhampiran tidak mengetahui kewujudan Uptown di situ.